



جدوال وقت سمبهيغ

•••••
APRIL 2022
SYAABAN 1443H - RAMADHAN 1443H

شعبان ١٤٤٣هـ - رمضان ١٤٤٣م

*Petikan Khutbah Jumaat 07 Mei 2021

Hari	Masihi	Hijrah	الصبح	الشروق	الظهر	العصر	المغرب	العشاء
			Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isya'
Jumaat	1	29	5.01	6.33	1.10	4.38	7.37	8.54
Sabtu	2	1	4.59	6.31	1.09	4.38	7.38	8.55
Ahad	3	2	4.57	6.29	1.09	4.38	7.40	8.56
Isnin	4	3	4.55	6.27	1.09	4.40	7.42	8.58
Selasa	5	4	4.52	6.24	1.08	4.41	7.44	9.00
Rabu	6	5	4.50	6.22	1.08	4.42	7.45	9.01
Khamis	7	6	4.48	6.20	1.08	4.43	7.47	9.03
Jumaat	8	7	4.46	6.18	1.07	4.44	7.49	9.05
Sabtu	9	8	4.43	6.15	1.07	4.44	7.50	9.05
Ahad	10	9	4.41	6.13	1.07	4.45	7.52	9.07
Isnin	11	10	4.39	6.11	1.07	4.46	7.54	9.09
Selasa	12	11	4.37	6.09	1.06	4.47	7.55	9.10
Rabu	13	12	4.35	6.07	1.06	4.48	7.57	9.12
Khamis	14	13	4.32	6.04	1.06	4.48	7.59	9.14
Jumaat	15	14	4.30	6.02	1.06	4.49	8.00	9.15
Sabtu	16	15	4.28	6.00	1.05	4.50	8.02	9.17
Ahad	17	16	4.26	5.58	1.05	4.51	8.03	9.18
Isnin	18	17	4.23	5.56	1.03	4.52	8.05	9.19
Selasa	19	18	4.21	5.54	1.05	4.52	8.07	9.21
Rabu	20	19	4.19	5.52	1.05	4.53	8.09	9.23
Khamis	21	20	4.16	5.50	1.04	4.54	8.10	9.24
Jumaat	22	21	4.14	5.48	1.04	4.54	8.12	9.26
Sabtu	23	22	4.11	5.45	1.04	4.54	8.14	9.27
Ahad	24	23	4.08	5.43	1.04	4.56	8.15	9.28
Isnin	25	24	4.06	5.41	1.04	4.57	8.17	9.30
Selasa	26	25	4.04	5.39	1.03	4.57	8.19	9.31
Rabu	27	26	4.01	5.35	1.03	4.58	8.20	9.32
Khamis	28	27	4.00	5.36	1.03	4.59	8.22	9.34
Jumaat	29	28	3.58	5.34	1.03	4.59	8.24	9.35
Sabtu	30	29	3.55	5.32	1.03	5.00	8.25	9.36

 Hari Memperingati Peristiwa Nuzul Al-Qur'an 1443H
(Hari Isnin, 17 Ramadhan 1443H)

 Good Friday
(Hari Jumaat, 15 April 2022M)

Naikah Untuk Kita Bersama MEMPERTINGKATKAN AMAL IBADAH DI BULAN RAMADHAN

Bersyukur kehadiran Allah SWT kerana telah dipanjangkan umur, diberi masa dan kesempatan untuk melakukan amal-amal soleh di bulan Ramadhan yang penuh rahmat, keampunan dan keberkatan.

Junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW menghidupkan malam-malam baginda di sepuluh hari yang terakhir di bulan Ramadhan dengan melakukan pelbagai amal ibadah melebihi yang biasa baginda lakukan di bulan-bulan yang lain.

Daripada Saidatina Aisyah RA yang bermaksud: Adalah Rasulullah SAW bersungguh-sungguh (mengerjakan amal ibadah) di sepuluh hari terakhir (bulan Ramadhan), apa yang baginda kerjakan di sepuluh hari terakhir (bulan-bulan) yang lain.
(Hadis Riwayat Imam Muslim)

Peningkatan dalam melakukan amal ibadah baginda Rasulullah SAW di malam-malam sepuluh terakhir Ramadhan adalah bagi menyambut kedatangan malam yang lebih baik dari seribu bulan iaitu Lailatul Qadar.

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Telah datang kepada kamu bulan Ramadhan bulan yang penuh keberkatan. Allah Azzawajal telah mewajibkan ke atas kamu supaya berpuasa padanya. (Pada bulan itu) dibukakan pintu-pintu langit dan ditutup pintu-pintu neraka serta dimasukkan ke dalamnya syaitan-syaitan. Di dalamnya ada satu malam yang lebih baik dari seribu bulan.
(Hadis Riwayat Imam An-Nasaie)

Lailatul Qadar adalah satu malam yang istimewa, yang dianugerahkan Allah SWT bagi memuliakan umat Nabi Muhammad SAW dan anugerah ini tidak pernah diberikan kepada umat-umat yang sebelumnya.

Pada malam itu, Allah SWT mengampunkan dosa hambaNya yang beribadah kepadaNya dengan penuh keimanan kerana mengharapkan keredhaan Allah SWT.

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Barangsiapa yang menegakkan Lailatul Qadar (mengisi dengan ibadah) kerana iman kepada Allah dan mengharapkan pahala (hanya darinya) maka akan diampuni dosa-dosa yang telah lalu, dan barangsiapa yang berpuasa Ramadhan kerana iman kepada Allah dan mengharapkan pahala (hanya darinya) maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu.

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)